

BULETIN JSG

Buletin Jabatan Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



KUALITI | AKADEMIK | PROGRAM | AKTIVITI

ISSN 2289-8964



9 772289 896001

Bil 1 2024 | ISSN 2289-8964

PEMBELAJARAN **HIBRID**

Nurul Izza & Azrinawati



Pada semester Oct 22 – Feb 23 dan Mac – Ogos 23, unit kimia JSG telah menjalankan pembelajaran hybrid bagi beberapa kod kimia seperti CHM131, CHM136, CHM271 dan CHM143 dengan pelajar FSG UiTM Arau, Perlis. Pendekatan pengajaran ini menggabungkan pengajaran secara dalam talian (online) dan pengajaran di dalam bilik darjah (offline). Pendekatan ini memberi pelajar dan pensyarah fleksibiliti untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran dengan cara yang bersesuaian dengan keperluan dan keadaan masing-masing memandangkan keberadaan para pensyarah dan pelajar di kampus yang berbeza.



Penggunaan pelbagai bentuk teknologi dan platform dalam talian digunakan untuk menyampaikan bahan pengajaran, berinteraksi dengan pelajar, dan memberikan aktiviti pembelajaran. Pengajaran di dalam bilik darjah juga boleh disertakan untuk sesi interaktif, perbincangan, atau aktiviti praktikal.

Pendekatan ini semakin popular dalam konteks pendidikan tinggi kerana ia membolehkan adaptasi kepada keperluan pelajar yang berbeza dan memanfaatkan potensi teknologi untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Dengan ini, pelajar dapat merasai gabungan antara kelebihan pembelajaran dalam talian dan pengajaran konvensional di dalam bilik darjah. Pendekatan ini telah mendapat reaksi positif dari kalangan pelajar.